

11 November 2022

KERAJAAN PAS UMNO BERSATU TELAH BERSETUJU MELANTIK MANGKUBUMI BAGI PROJEK TEBATAN BANJIR RM2 BILION SECARA RUNDINGAN TERUS

Saya mengesahkan telah menerima satu Surat Tuntutan (“Demand Letter”) dari Dato’ Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berhubung kenyataan-kenyataan saya yang mendedahkan pelantikan Mangkubumi Sdn Bhd dalam beberapa projek besar di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Untuk makluman orang ramai, menghantar Surat Tuntutan bukanlah bermakna tindakan saman telah diambil. Secara umumnya, satu pihak menghantar Surat Tuntutan ke satu pihak yang lain untuk mendapat penjelasan dan memaklumkan hasrat pihak itu untuk mengambil tindakan saman sekiranya tuntutan-tuntutan tidak dipenuhi.

Tindakan saman hanya bermula apabila saman itu difailkan di mahkamah.

Pengalaman saya selama ini menunjukkan hanya separuh dari surat-surat tuntutan yang dihantar kepada saya berakhir dengan tindakan saman. Surat-surat tuntutan dari IMDB contohnya tidak pernah berakhir dengan tindakan saman.

Oleh itu, selepas peguam-peguam saya menjawab Surat Tuntutan dalam tempoh seminggu ini, saya berharap Tuan Ibrahim Tuan Man meneruskan niatnya untuk menyaman saya di mahkamah. Saya tidak mahu Surat Tuntutan yang dihantar semalam menjadi alat kempen semata-mata dalam tempoh berbaki kempen PRU15, tetapi selepas itu ia tidak berakhir dengan saman di mahkamah.

Saya mahu ke mahkamah kerana saya ada bukti yang kukuh mengenai pendedahan saya itu.

Sejak saya membawa isu ini ke pengetahuan umum pada hari Isnin lalu, reaksi tidak rasmi dan kenyataan rasmi Tuan Ibrahim Tuan Man cuba memberi gambaran berikut:

- Bahawa isu yang saya bawa (iaitu projek tebatan banjir Sungai Langat Fasa 2 akan diberikan secara rundingan terus pada harga RM2 bilion kepada Mangkubumi Sdn Bhd) adalah rekaan dan palsu
- Kenyataan saya bahawa proses untuk melantik Mangkubumi Sdn Bhd secara rundingan terus telah dan sedang berlaku adalah palsu


- Bahawa Tuan Ibrahim Tuan Man tidak tahu apa-apa mengenai keputusan untuk melantik Mangkubumi Sdn Bhd secara rundingan terus bagi sebuah projek yang sebegitu besar

Oleh itu, hari ini saya tampil menunjukkan bukti kukuh bahawa projek tebatan banjir Kuala Langat Fasa 2 berjumlah RM2 bilion ini **sebenarnya telah pun diluluskan secara rundingan terus** kepada Mangkubumi Sdn Bhd.

Saya sertakan petikan surat dari Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Seri Asri Hamidon kepada Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Ir. Dr Zaini Ujang bertarikh 7 Oktober 2022 dengan nombor rujukan MOF.BPK(S)600-15/59/206(4) yang bertajuk "PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI LANGAT FASA 2, SELANGOR".

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-15/59/206 (4)

Tarikh : 7 Oktober 2022

 **YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang**
 Ketua Setiausaha
 Kementerian Alam Sekitar dan Air
 Blok F11, Kompleks F
 Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62000 PUTRAJAYA

YBhg. Dato' Seri,

PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI LANGAT FASA 2, SELANGOR

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat dari pejabat YAB PM bertarikh 16 Ogos 2022 rujukan PPM.RB.600-6/2/9 Jld. 29 (42) adalah berkaitan dan dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2, Selangor dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat Mangkubumi Sdn. Bhd. (MSB).

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi pelaksanaan projek tersebut;
- ii. Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- iii. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)/Agensi Pelaksana hendaklah melaksanakan ~~penilaian kemampuan kewangan dan~~ ~~sebagai~~ syarikat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerohan (DK) 715 ~~...~~

PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI LANGAT FASA 2, SELANGOR

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat dari pejabat YAB PM bertarikh 16 Ogos 2022 rujukan PPM.RB.600-6/2/9 Jld. 29 (42) adalah berkaitan dan dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2, Selangor dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat Mangkubumi Sdn. Bhd. (MSB).

3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Peruntukan telah diluluskan dan mencukupi bagi pelaksanaan projek tersebut;
- ii. Semua peraturan dan tatacara kewangan yang berkuat kuasa hendaklah dipatuhi sepenuhnya;
- iii. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)/Agensi Pelaksana hendaklah melaksanakan ~~penilaian keupayaan kewangan dan sekiranya~~ syarikat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 7.15. Sekiranya syarikat lulus dalam penilaian tersebut, KASA/Agensi Pelaksana hendaklah meneruskan projek dengan proses rundingan harga manakala sekiranya syarikat tidak lulus dalam penilaian tersebut, KASA/Agensi Pelaksana hendaklah memaklumkan semula kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) sebelum meneruskan pelaksanaan projek ini;
- iv. Harga hendaklah dirundingkan ke paras munasabah yang menguntungkan Kerajaan selaras dengan PP/PK7.16 dan minat mesyuarat berhubung persetujuan harga rundingan hendaklah ditandatangani oleh kedua-dua pihak;

- v. Hasil rundingan harga tersebut hendaklah diperakukan oleh Lembaga Perolehan Agensi dan dikemukakan kepada MoF untuk dimuktamadkan;
- vi. KASA/Agensi Pelaksana hendaklah memastikan pendaftaran syarikat MSB dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembiayaan Malaysia (CIDB) bagi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) adalah sah dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan semasa pelawaan tender dan sepanjang tempoh kontrak;
- vii. KASA/Agensi Pelaksana hendaklah memastikan syarikat MSB bebas daripada sebarang tindakan undang-undang sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan; dan
- viii. Syarikat MSB diwajibkan untuk melaksanakan Program *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÈGÈ) mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam PP/PK1.2.


4. Kelulusan ini diberikan untuk perolehan ini sahaja dan tidak boleh dijadikan *precedent* bagi perolehan lain seumpamanya di masa depan.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON)

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK SERI ASRI BIN HAMIDON)

s.k.:

YBhg. Dato' Nor Nazimah binti Hashim
Ketua Setiausaha Sulit Kepada
YAB Perdana Menteri
Pejabat Perdana Menteri Malaysia
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentabiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

No. Faks: 03-8888 3444

Datin TKSP (M)

Dato' SUSK YBMK

Tuan SBPK

- Memo tuan rujukan MOF.MK100-
21/3/2 JLD.10(57) bertarikh
29 Julai 2022 adalah dirujuk.

2/2

Saya petik kandungan surat tersebut di perenggan 2 untuk manfaat rakyat Malaysia:

"2. Dimaklumkan bahawa YB Menteri Kewangan telah bersetuju meluluskan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2, Selangor dilaksanakan secara rundingan terus dengan syarikat Mangkubumi Sdn. Bhd. (MSB)."

Keputusan ini juga merujuk kepada surat dari Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob mengenai projek ini yang bertarikh 16 Ogos 2022.

Surat dari Kementerian Kewangan ini dikeluarkan pada 7 Oktober 2022 iaitu pada hari pembentangan bajet yang lepas. Secara logiknya, tumpuan keseluruhan kerajaan, Menteri Kewangan dan Kementerian Kewangan pada hari ini ialah pembentangan bajet.

Sebaliknya, surat ini dikeluarkan juga pada tarikh itu memandangkan menteri-menteri telah pun tahu bahawa Parlimen akan dibubarkan pada hari Isnin, 10 Oktober 2022.

Sebab itu saya katakan bahawa projek sebesar ini telah dipercepatkan keputusannya supaya kelulusan diberikan sebelum PRU15.

Lazimnya, apabila keputusan sebesar ini yang melibatkan Kementerian Alam Sekitar dan Air telah diputuskan di peringkat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, walaupun surat pemakluman keputusan adalah Ketua Setiausaha Perbendaharaan kepada Ketua Setiausaha KASA, sudah tentu KSU KASA telah pun memberi taklimat dan memaklumkan Menteri KASA sejeurus selepas 7 Oktober 2022.

Sebab itu saya kecewa dengan reaksi Tuan Ibrahim Tuan Man dan kepimpinan PAS yang cuba memberi gambaran mereka tidak tahu apa-apa. Malah, kempen PAS telah bertumpu sepenuhnya kepada menyerang peribadi saya untuk mengalihkan perhatian bahawa logiknya Tuan Ibrahim Tuan Man TAHU memang projek berjumlah RM2 bilion ini telah pun diluluskan oleh kerajaan untuk tindakan beliau sebagai Menteri KASA.

Saya juga akan menumpukan perhatian kepada tanggungjawab Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz sebagai Menteri Kewangan yang meluluskan projek-projek rundingan terus seperti ini dalam sidang media yang akan datang.

Buat masa ini, saya berharap Tuan Ibrahim Tuan Man tidak berselindung di sebalik satu Surat Tuntutan untuk mencuci tangan dari tanggungjawab beliau mengenai projek ini.

Sekiranya Pakatan Harapan membentuk kerajaan dalam tempoh 10 hari dari sekarang, saya berhasrat untuk membuat laporan kepada pihak-pihak berkuasa mengenai peranan Ismail Sabri Yaakob, Tengku Zafrul Abdul Aziz dan Tuan Ibrahim Tuan Man mengenai peranan, fungsi dan keterlibatan mereka dalam kes ini untuk disiasat sepenuhnya oleh pihak-pihak berkuasa.

Walaupun Tuan Ibrahim sebelum ini mencabar saya untuk membuat laporan SPRM, saya berharap beliau bersabar kerana sudah tentu laporan SPRM akan dibuat sekiranya Pakatan Harapan membentuk kerajaan persekutuan dalam masa terdekat.

RAFIZI RAMLI